

AAB

Mahathir - Sabah

KERAJAAN BARU SABAH TIDAK BERNIAT MENGIKLANKAN SESIAPA

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa kerajaan baru di Sabah pimpinan Barisan Nasional tidak berhasrat untuk mengIslamkan rakyat yang bukan beragama Islam di negeri itu.

Semasa bercakap dalam sesi dialog dengan para peserta di Persidangan Islam dan Toleransi sempena perasmian bangunan baru Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini, Dr Mahathir menyeru umat Islam di Sabah supaya sentiasa bertindak adil terhadap mereka yang bukan beragama Islam.

Menurut Perdana Menteri pada masa lampau kerajaan negeri di bawah para pemimpin Islam begitu gairah mengIslamkan rakyat yang bukan beragama Islam.

Mereka melakukannya kerana melihat kerajaan pusat berpegang kuat kepada ajaran Islam.

"Mereka menggunakan kuasa yang ada dengan tidak betul," kata beliau.

"Tetapi kita menasihatkan mereka, tidak perlu mengIslamkan mereka (rakyat yang bukan beragama Islam); mereka boleh (berbuat demikian) tetapi tidak harus memaksa mereka yang bukan beragama Islam," kata beliau. -- Lagi.

▼24/03/14-44MST

AAB

Mahathir - Sabah 2 (Akhir) Kuala Lumpur

"Bagaimanapun keinginan mereka begitu kuat, jadi di Sabah anda mendapati ada orang yang memeluk agama Islam sehingga tiga kali. Ia sama sekali bukan usaha pengIslamkan. Ia merupakan keperluan politik," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata demikian semasa menjawab soalan yang dikemukakan Profesor Dr Fathi Othman dari Universiti California di Amerika Syarikat. Profesor Othman yang semalam mengemukakan kertas kerja mengenai "Demokrasi Moden dan Konsep Syura" berkata, ramai yang hairan bagaimana kerajaan pusat di sini dapat mengendalikan Sabah iaitu sebuah negeri dengan latar belakang keagamaan dan etnik yang jauh berbeza.

Dr Mahathir berkata, oleh kerana BN kini telah menguasai semula Sabah, ia akan cuba mengimbangkan keadaan.

"Kita sedang berusaha untuk mewujudkan hubungan yang lebih rapat antara rakyat yang berbeza agama di Sabah seperti yang kita lihat di Semenanjung Malaysia.

"Untuk itu, kita cuba memberi jawatan Ketua Menteri mengikut giliran bagi setiap dua tahun. Untuk dua tahun pertama jawatan itu akan disandang seorang Muslimin, pada dua tahun berikutnya ia akan disandang seorang Kristian, dan untuk dua tahun lagi jawatan itu mungkin disandang seorang yang beragama Buddha," kata beliau.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Kerja Raya Datuk Leo Moggie, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid yang juga pengerusi IKIM, dan Ketua Pengarah IKIM, Datuk Dr Ismail Haji Ibrahim. - Bernama.

RS PR KAM.